

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAJI  
HAMZAH [KUBANG PASU]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAJI HAMZAH [KUBANG PASU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tanggungan Kerajaan di bawah projek PPP yang dikendalikan oleh pihak Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) yang belum dilangsaikan oleh Kerajaan dan minta pecahan komitmen projek ini untuk setiap tahun di masa akan datang.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri berperanan sebagai Agensi Pusat untuk merancang, menyelaraskan, menilai dan merunding cadangan projek-projek secara Kerjasama Awam Swasta (*Public Private Partnership-PPP*). Sehingga kini, terdapat sebanyak 97 projek PPP yang telah ditandatangani melibatkan komitmen kewangan Kerajaan bagi penyediaan perkhidmatan penting (*essential services*) bagi memenuhi keperluan awam.

2. Bagi projek-projek PPP yang melibatkan komitmen kewangan Kerajaan, kos pembinaan/kos modal ditanggung/dibiayai sepenuhnya oleh syarikat konsesi dengan Kerajaan tidak menanggung sebarang kos awalan sebelum dan semasa pembinaan. Setelah projek siap dibina dan diterima oleh Kerajaan, maka Kerajaan akan membuat bayaran secara berjadual sepanjang tempoh konsesi berdasarkan perkhidmatan yang diperolehi dan prestasi keseluruhan (*Key Performance Indicator - KPI*) yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Komitmen atau tanggungan Kerajaan terhadap pelaksanaan projek PPP tidak dianggap sebagai hutang, sebaliknya adalah bayaran bagi perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat konsesi kepada Kerajaan.

3. Antara contoh projek-projek PPP yang melibatkan komitmen kewangan Kerajaan adalah seperti berikut:

- i. Bagi Projek Perkhidmatan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Kerajaan perlu membuat bayaran kepada syarikat konsesi berdasarkan kadar harga yang dipersetujui bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi meliputi aktiviti pembersihan awam dan kutipan sisa pepejal.
- ii. Bagi Perkhidmatan Sokongan Hospital, Kerajaan perlu membayar fi perkhidmatan bagi perkhidmatan bukan klinikal dan juga bayaran bagi kerja-kerja kecemasan (*Reimbursable Works*),

kerja menaiktarafkan sistem pemantauan dan kerja-kerja penyelenggaraan di kesemua hospital kerajaan.

- iii. Bagi Hospital Tunku Azizah serta Kampus dan Kolej Kediaman UiTM, bayaran yang dibuat oleh Kerajaan adalah dalam bentuk sewa pajakan, bayaran perkhidmatan penyelenggaraan fasiliti mengambil kira kos keseluruhan kitaran hayat (*whole life cycle cost*) fasiliti tersebut serta penggantian aset sepanjang tempoh konsesi.

4. Anggaran komitmen kewangan Kerajaan bagi 97 projek PPP yang telah ditandatangani berasaskan perjanjian konsesi dari tahun 2020 hingga tahun 2047 adalah berjumlah RM118,999 juta. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

- Tahun 2020 – RM11,861 juta
- Tahun 2021 – RM11,591 juta
- Tahun 2022 – RM10,478 juta
- Tahun 2023 – RM9,584 juta
- Tahun 2024 – RM9,489 juta
- Tahun 2025 – RM7,955 juta

5. Manakala baki komitmen kewangan Kerajaan bagi tahun 2026 hingga 2047 adalah RM58,034 juta.

Sekian, terima kasih.